KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **6 Jun 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 4

# Syarikat, peniaga makanan kecil dibenar terus guna LPG bersubsidi

## Kebenaran diberi sehingga pindaan baharu dimuktamad Oktober depan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my




*Armizan bersama Fahmi pada sidang media di Putrajaya, semalam.* (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

**Putrajaya:** Jemaah Menteri memutuskan syarikat dan perniagaan makanan serta minuman kecil dibenar untuk terus menggunakan tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi, biarpun tanpa Permit Barang Kawalan Berjadual.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata kebenaran itu diberi sehingga pindaan baharu kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 dimuktamad, yang dijangka Oktober depan.

"Sepanjang tempoh Ops Gasak dan sehingga pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 dimuktamad, tidak ada tindakan undang-undang diambil terhadap perniagaan jualan dan makanan berskala mikro dan kecil berkaitan penggunaan silinder LPG bersubsidi, bagi keperluan premis perniagaan sendiri.

"Peniaga mikro dan kecil makanan dan minuman dibenarkan untuk mendapatkan bekalan tong LPG bersubsidi tanpa keperluan permit barang kawalan berjadual," katanya pada sidang media di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, teras kepada pindaan yang akan dibuat nanti ialah keperluan peniaga jualan makanan dan minuman kecil secara bersasar.

Selain itu katanya, sesi libat urus dengan pelbagai pihak akan dilaksana bagi mengumpul pandangan, sekali gus bertujuan mewujudkan kejelasan undang-undang untuk memastikan keberkesanan pematuhan dan penguatkuasaan.

"Jemaah Menteri juga bersetuju dengan syor supaya semakan dan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 ini diselaraskan Jawatankuasa Teknikal dipengerusi Ketua Setiausaha KPDN dan turut membabitkan kementerian dan agensi berkaitan, selain mendapatkan syor dan pandangan daripada pelbagai pemegang taruh," katanya.

### Syor dibuat kementerian

Terdahulu beliau berkata, syor itu dibuat kementeriannya supaya dilaksanakan pindaan ke atas Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 yang sebelum ini sudah diluluskan oleh pentadbiran kerajaan lalu dan sudah berkuat kuasa sejak 15 Oktober 2021.

"Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021 itu menetapkan sekatan had kepada peniaga bagi pemilikan dan penggunaan LPG melebihi 42 kilogram pada satu-satu masa yang memerlukan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan," katanya.

Dalam pada itu, Armizan menyatakan Ops Gasak akan diteruskan untuk membendung kegiatan haram, iaitu pemindahan gas dari tong bersubsidi kepada tidak bersubsidi selain penggunaannya oleh industri.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 8

Peniaga tidak kena tindakan undang-undang dalam tempoh peralihan

# Boleh guna gas LPG subsidi sehingga pindaan muktamad

PUTRAJAYA

Peniaga mikro dan kecil dalam sektor makanan serta minuman dibenarkan terus menggunakan tong gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi tanpa perlu memiliki permit khas sehingga pindaan baharu Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 2021 dimuktamadkan Oktober ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, dalam tempoh peralihan itu, tiada tindakan undang-undang akan diambil terhadap golongan peniaga berkenaan.

"Malah, mereka dibenarkan memperoleh bekalan LPG bersubsidi seperti biasa walaupun tanpa permit, selagi pindaan belum dimuktamadkan," katanya pada sidang akhbar di kementeriannya di sini pada Khamis.

Beliau berkata, Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang hari ini bersetuju dengan syor KPDN untuk meminda peraturan tersebut, yang mula dikuatkuasakan pada 15 Oktober 2021 di bawah pentadbiran kerajaan terdahulu.

Armizan berkata, pindaan itu antara lain mengambil kira keperluan peniaga makanan dan minuman berskala kecil dan mikro secara bersasar, selain memastikan kejelasan undang-undang dalam aspek pematuhan serta penguatkuasaan.

Katanya, pindaan berkenaan dijangka dimuktamadkan sebaik sahaja Ops Gasak yang sedang dilaksanakan tamat pada 31 Oktober ini.

Dalam masa sama, beliau menegaskan bahawa operasi penguatkuasaan itu tetap diteruskan bagi membanteras ketirisan LPG seperti kegiatan *decanting* haram dan penyalahgunaan oleh pihak industri.



ARMIZAN

"Laporan Ops Gasak ini akan dijadikan asas penting dalam penyediaan undang-undang lebih jelas, bersesuaian dan inklusif, khususnya melibatkan peniaga kecil yang menyediakan perkhidmatan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, proses pindaan akan diselaraskan menerusi sebuah Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan 1 Mei lalu dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPDN serta melibatkan kementerian dan agensi berkaitan.

"Selain wakil kerajaan, kita turut libatkan pandangan pelbagai pihak berkepentingan. Malah, saya akan mengadakan sesi libat urus bersama 10 persatuan perniagaan makanan dan minuman esok (Jumaat).

"Kita mengalu-alukan sebarang cadangan agar pindaan ini benar-benar dapat diguna pakai secara menyeluruh dan memberi manfaat kepada golongan sasaran," katanya.

Untuk rekod, peraturan PPKB (Pindaan) 2021 ketika ini menghadkan pemilikan dan penggunaan LPG bersubsidi melebihi 42 kilogram pada satu-satu masa tanpa Permit Barang Kawalan Berjadual. - *Bernama*

# Street vendors get gas rule break

## Govt holds off enforcement on hawkers while reviewing rules

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The makciks and uncles selling nasi lemak, pisang goreng and fried koay teow by the streets and in night markets need not worry.

Small and micro-scale food and beverage traders will be exempted from enforcement measures under the ongoing Ops Gasak.

"No action will be taken against these traders in relation to the use of subsidised LPG cylinders for the needs of their businesses," says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (*pic*).



He said the Cabinet has agreed to review the regulations on the use of subsidised liquefied petroleum gas (LPG) cylinders by such traders.

This decision was based on the recommendations submitted by his ministry, he told reporters after a post-Cabinet meeting yesterday.

The Control of Supplies (Amendment) Regulations 2021, which came into force on Oct 15, 2021, limits the use of subsidised LPG to a maximum of 42kg at any one time for commercial purposes.

Any shop exceeding this limit must obtain a permit and switch to non-subsidised LPG.

Ops Gasak, which began on May 1 until Oct 31, is meant to curb illegal activities such as decanting (transferring gas from subsidised LPG cylinders to non-subsidised ones), smuggling, and the misuse of subsidised LPG by medium and large-scale industrial sectors.

During this period, Armizan said micro and small-scale food and beverage traders are allowed to obtain the subsidised LPG cylinders without requiring a permit for controlled goods trading.

"No legal action will be taken for the time being. Small and micro-scale food traders are not required to apply for permits until the legislation is finalised," he said.

The amendments would take into account the needs of micro and small-scale food and beverage traders in a targeted manner and establish legal clarity to ensure effective compliance and enforcement.

"The Cabinet agreed with the recommendation for a review and amendment of the Control of Supplies (Amendment) Regulations 2021.

"It is to be coordinated by a technical committee by my ministry's secretary-general, involving relevant government ministries and agencies," Armizan said, adding that views would be sought from various stakeholders.

Aside from the government agencies, he said he would meet with 10 food and beverage associations.

"Besides engaging with individual traders, we welcome suggestions from all parties who may have proposals on how to ensure that any legal amendments are practical and effectively targeted," he said.

Asked if there is any timeline to conclude the amendments, Armizan said: "Our target is to finalise the proposed legislative amendments when Ops Gasak concludes on Oct 31."

He explained that this was due to the need to address issues related to decanting and leakages in industrial usage.

Ops Gasak would still proceed to check on those two issues, he added.

Several eateries association and MCA have been voicing their concerns that consumers will have to pay more for their food if these small business operators end up having to use commercial LPG in their operations.

MCA president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong had urged the authorities to give assurance to the hawkers that they could continue using subsidised LPG so that the patrons would not end up having to pay the price.




**Much-needed respite:** For the time being, Armizan says micro and small-scale food and beverage traders are allowed to obtain the subsidised LPG cylinders without requiring a permit for controlled goods trading. — AZHAR MAHFOF/The Star

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 13

# Kilang guna sijil halal palsu diserbu

**IPOH** – Sebuah kilang di Jelapang di sini yang menggunakan sijil halal tidak sah diserbu sehingga membawa rampasan 5,540 kilogram (kg) minyak masak peket kelmarin.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan pada pukul 2.30 petang itu dilaksanakan pihaknya bersama Jabatan Agama Islam Perak.

"Hasil serbuan mendapati premis tersebut menjalankan aktiviti pembungkusan minyak masak menggunakan logo halal pada bungkusan produk berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut ke atas pemilik premis mendapati sijil halal yang diperoleh digantung atas sebab pelanggaran syarat pensijilan halal," katanya di sini semalam.

Sehubungan itu, KPDN Perak melaksanakan tindakan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Sebanyak 5,540kg minyak masak peket menggunakan logo halal tidak sah disita.

Beliau berkata, nilai keseluruhan rampasan itu dianggarkan berjumlah RM14,233. Seorang lelaki tempatan berusia 33 tahun yang mengaku sebagai pengurus syarikat telah diambil keterangan.

Siasatan dibuka kerana melanggar Perenggan 4(1) Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] di bawah Perenggan 8(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu memperakui mana-mana makanan itu adalah halal.

Sabit kesalahan, bagi pertubuhan perbadanan, pesalah boleh didenda tidak lebih RM200,00 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda maksimum RM500,000.

Bagi pesalah bukan pertubuhan atau perbadanan, mereka boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, pesalah boleh dikenakan denda tidak lebih RM250,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya," katanya.



**PEGAWAI penguat kuasa KPDN Perak memerika minyak masak peket menggunakan logo halal tidak sah di Ipoh kelmarin.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 29

# KPDN Perak serbu kilang minyak masak guna sijil halal tidak sah

FOTO: IHSAN KPDN PERAK



Pegawai KPDN Perak memeriksa minyak masak peket yang menggunakan logo halal tidak sah.

**IPOH** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak menyerbu sebuah kilang pembungkusan minyak masak yang disyaki menggunakan sijil halal tidak sah bagi tujuan perdagangan di Kawasan Perindustrian Ringan, Jelapang di sini pada Rabu.

Pengarahnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan sekitar jam 2.30 petang itu dijalankan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk).

"Hasil serbuan mendapati kilang tersebut sedang menjalankan aktiviti pembungkusan minyak masak serta menggunakan logo halal pada bungkusan produk berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut terhadap pemilik kilang mendapati sijil halal dimiliki itu telah digantung disebabkan pelanggaran syarat pensijilan halal," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Menurutnya, sebanyak 5,540 kilogram minyak masak peket yang menggunakan logo halal tidak sah bernilai RM14,233 telah disita.

"Seorang lelaki tempatan berusia 33 tahun yang mengaku sebagai pengurus syarikat telah diambil keterangan.

"Kes disiasat di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 iaitu kesalahan memperakui mana-mana makanan itu adalah halal," katanya.

Tambahnya, pengguna disarankan menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa untuk menyalurkan maklumat-maklumat berhubung produk makanan yang dicurigai status penandaan logo halal.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 17

# MCMC pantau jualan cecair vape ada dadah sintetik dalam talian

## Agensi akan sedia laporan kepada KKM untuk tindakan penguatkuasaan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) diarah meningkatkan usaha dan pemantauan terhadap penjualan cecair vape yang mengandungi dadah sintetik secara dalam talian.

Ini berikutan menurut Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, penjualan produk cecair vape atau rokok elektronik yang dikesan menggunakan bahan terlarang itu dilihat semakin berleluasa dalam talian.

"Saya arahkan MCMC untuk teliti jualan produk seperti itu dalam talian dan kita dapati banyak daripada penjualan ini sudah berlaku dalam platofrm seperti Facebook.

"Ada yang juga yang jual melalui WhatsApp dan sudah pasti sebarang tindakan penguatkuasaan juga akan membabitkan pihak KPDN (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)," katanya pada sidang media pascamesyuarat Kabinet di kementeriannya, semalam.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, pihaknya menerusi MCMC akan menyediakan laporan hasil kegiatan penjualan bahan terlarang itu secara dalam talian, termasuk untuk diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi tindakan penguatkuasaan.

"Ini (penjualannya adalah) di bawah bidang Kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) dan dalam konteks Kementerian Komunikasi melalui MCMC kita sedang buat pemantauan dan insya-Allah MCMC akan sediakan laporan sebelum dibawa ke Jemaah Menteri untuk perbincangan lanjut," katanya lagi.

### Rampas 86,086 unit vape

Sementara itu, di **Butterworth**, Pengarah Kastam Pulau Pinang, Rohaizad Ali, berkata Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang merampas 86,086 unit peranti rokok elektronik atau vape dan 996.5 liter cecair vape bernilai RM5.17 juta, termasuk cukai dalam dua serbuan pada April.



*Rohaizad Ali*

Katanya, serbuan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Butterworth Utara (NBCT) serta sebuah lagi di Pelabuhan Klang turut membawa kepada penahanan tiga lelaki, termasuk seorang warganegara China.

Beliau berkata, dalam serbuan pertama pada 1.15 tengah hari pada 3 April lepas, Unit Operasi Bahagian Penguatkuasaan melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kontena yang berlabuh di NBCT dari China.

"Hasil pemeriksaan menemukan 14,200 unit peranti rokok elektronik dan 210 cecair vape tidak diikrarkan semasa pengimportan bersama-sama barang dagangan lain dianggarkan bernilai RM1.33 juta dengan jumlah duti RM205,400.

"Seorang lelaki tempatan yang bertindak sebagai ejen dan seorang lelaki warganegara China berusia lingkungan 30-an yang mengaku sebagai pengeksport barang dagangan itu ditahan. Ini adalah kes pertama di Pulau Pinang tahun ini yang menghasilkan tangkapan berkaitan rampasan vape," katanya pada sidang media di Stor Penguatkuasaan Bagan Jermal semalam.

Rohaizad berkata, siasatan mendapati kontena tersebut diisytiharkan mengandungi barangan plastik, namun vape dan cecair tidak diisytiharkan dan diletakkan bersama barangan lain dalam kontena itu.

Dalam serbuan kedua pada jam 11 pagi, 10 April lalu, sebanyak 71,886 unit peranti rokok elektronik dan 786.5 liter cecair vape bernilai RM3.64 juta, termasuk cukai dirampas hasil pemeriksaan ke atas sebuah kontena dari China yang berlabuh di Pelabuhan Klang.

Beliau berkata, serbuan turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 40-an yang berperanan sebagai ejen.

"Kontena ini diisytiharkan mengandungi tali pinggang dan dompet, namun pemeriksaan mendapati terdapat vape serta cecair vape yang tidak diisytiharkan bersama barang dagangan lain," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 3

# 'Banyak dijual di Facebook, WhatsApp'

PUTRAJAYA – Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) akan terus memantau penjualan produk rokok elektronik atau vape di platform media sosial seperti Facebook.

Jurucakap kerajaan, Datuk Fahmi Fadzil berkata, susulan itu, MCMC akan menyiapkan satu laporan berhubung perkara tersebut dan seterusnya dibentangkan kepada Kabinet.

"Saya mengarahkan MCMC untuk meneliti jualan produk-produk seperti itu secara dalam talian.

"Kita dapati banyak daripada jualan itu juga berlaku dalam platform seperti Facebook, ada juga yang dijual melalui WhatsApp dan sudah pasti tindakan penguatkuasaan melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup," katanya semalam.

Ketika ditanya adakah kerajaan akan membuat pindaan akta berhubung rokok elektronik, Fahmi berkata, perkara itu akan diteliti Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

NEW STRAITS TIMES

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 5

STRICTER ENFORCEMENT

# 'MCMC TO MONITOR VAPE SALE'

## Fahmi also says Tengku Zafrul resignation not discussed in Cabinet

NOR AIN MOHAMED RADHI
**PUTRAJAYA:**
news@nst.com.my

THE Communications Ministry, through the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), is intensifying efforts to monitor the sale of electronic cigarettes and vaping products via social media and online messaging platforms.

Communications Minister Fahmi Fadzil said the ministry had detected many transactions taking place on platforms such as Facebook and WhatsApp.

"I have directed MCMC to investigate the online sale of these products. Enforcement efforts will also involve the Domestic Trade and Cost of Living Ministry," he said at his weekly press conference yesterday.

On whether the government planned to amend existing legislation concerning e-cigarettes, Fahmi said the matter would be reviewed by Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"The issue was discussed at today's cabinet meeting, and the health minister will look into it."

Meanwhile, Fahmi also addressed questions surrounding the position of Investment, Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz in the cabinet, following his resignation from Umno.

He said that the matter was not discussed at today's (yesterday's) cabinet meeting.

"It did not arise during the meeting today," he said in response to a query on Umno's intention to maintain its full allocation of seven ministerial posts.

On May 30, Tengku Zafrul announced his resignation from all posts in Umno, including his membership, and expressed his intention to join PKR.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 18




# MCMC to track vape sales online, work with MOH and Domestic Trade Ministry — Fahmi

Bernama

PUTRAJAYA (June 5): The Communications Ministry, through the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), will monitor online sales of vape and e-cigarette products following increased bans on vape use in several states and concerns over the presence of synthetic substances in these products.

Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil said the issue was raised during Thursday's (June 5) Cabinet meeting and is being reviewed by the Health Ministry (MOH).

"At the same time, I will direct MCMC to examine the online sale of such products. We have found that these sales are largely conducted on platforms like Facebook and WhatsApp.

"Any enforcement action will certainly involve the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN)," he told a weekly press conference here on Thursday.

Fahmi said while vape-related issues fall under the Health Ministry's jurisdiction, the Communications Ministry will monitor the use of social media as a sales platform, particularly for e-cigarette products.

"*Insya-Allah*, MCMC will prepare a report on this matter, and the Communications Ministry will present it to the Cabinet for further discussion," he said.

He also reaffirmed the Communications Ministry's commitment to working closely with MOH and KPDN to ensure a safer internet environment, particularly for children and families, by addressing issues such as vape and e-cigarette advertisements.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 2

# Tracking vape sales online

PUTRAJAYA: The Communications Ministry, through the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), will monitor online sales of vape and e-cigarette products following increased bans on vape use in several states and concerns over the presence of synthetic substances in these products.

Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil said the issue was raised during today's Cabinet meeting and is being reviewed by the Health Ministry (MoH).

"At the same time, I will direct MCMC to examine the online sale of such products. We have found that these sales are largely conducted on platforms like Facebook and WhatsApp.

"Any enforcement action will certainly involve the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN)," he told a weekly press conference here Thursday.

Fahmi said while vape-related issues fall under the Health Ministry's jurisdiction, the Communications Ministry will monitor the use of social media as a sales platform, particularly for e-cigarette products.

"Insya-Allah, MCMC will prepare a report on this matter, and the Communications Ministry will present it to the Cabinet for further discussion," he said. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 3

# Isu vape: MCMC pantau jualan dalam talian

PUTRAJAYA: Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) akan memantau aktiviti penjualan produk vape dan e-rokok secara dalam talian susulan peningkatan larangan penggunaannya di beberapa negeri serta kebimbangan wujud bahan sintetik dalam produk itu.

Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil berkata isu berkenaan dibangkitkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada Khamis dan sedang diteliti oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Pada masa yang sama, saya akan arahkan MCMC untuk meneliti penjualan produk-produk seperti itu dalam talian. Kita dapati jualan ini banyak berlaku di platform seperti Facebook dan WhatsApp.

"Sudah pasti sebarang tindakan penguatkuasaan juga akan melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya pada sidang media mingguan di sini.

Beliau berkata walaupun isu vape adalah di bawah bidang kuasa KKM, Kementerian Komunikasi akan memantau daripada sudut penggunaan media sosial sebagai platform jualan khususnya bagi produk e-rokok. – Bernama



YEE dan pasukannya melawat Pasar Besar di KK.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY
HARI: JUMAAT
TARIKH: 6/6/2025
M/SURAT: 6

# 法米：數州有意禁售 指示MCMC查網售電子煙

（布城5日讯）通讯部长拿督法米表示，配合多个州属有意禁止销售电子烟，他指示通讯及多媒体委员会配合，调查电子烟在线上销售情况。

他说，此事主要由卫生部负责，而通讯部会透过脸书和WhatsApp等社交媒体平台关注贩售电子烟的行为。

"通讯部主要会与卫生部及国内贸易及生活费部配合，通讯部会监督网络销售电子烟情况，保障儿童及家庭拥有更安全的网络环境。"

法米也是团结政府发言人，他在内阁会后的记者会发言。

对于允许无人机在低空空域使用及政策，他说，根据交通部长陆兆福昨晚在国家基建公司的活动，政府计划会制定使用无人机的政策，并对使用范围和限制制定明确条规。

他表示，今日的内阁会议并没有讨论投资、贸易及工业部长东姑赛夫鲁退出巫统后关于其部长职位的课题。（LPP）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 6 JUN 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 6-Jun | Peniaga kecil makanan dibenar guna LPG bersubsidi sementara peraturan dipinda | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/peniaga-kecil-makanan-dibenar-guna-lpg-bersubsidi-sementara-peraturan-dipinda/#google_vignette | UTUSAN |
| 6-Jun | Micro food businesses exempted from LPG permit rule until October, says Armizan | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1226260/updated-micro-food-businesses-exempted-lpg- | NEW STRAITS TIMES |
| 6-Jun | Syarikat, peniaga makanan boleh terus guna gas LPG subsidi tanpa permit sehingga pindaan peraturan - Armizan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1404879/syarikat-peniaga-makanan-boleh-terus-guna-gas-lpg-subsidi-tanpa? | BERITA HARIAN |
| 6-Jun | Ambil kira keperluan peniaga bersaiz mikro dan kecil - Armizan | https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/ambil-kira-keperluan-peniaga-bersaiz-mikro-dan-kecil-armizan-x9ktwqo | ASTRO AWANI |
| 6-Jun | Small-scale food traders exempt from LPG enforcement until October | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/05/small-scale-food-traders-exempt-from-lpg-enforcement-until- | THE STAR |
| 6-Jun | Kabinet setuju pinda peraturan kawalan bekalan, kata menteri | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/06/05/kabinet-setuju-pinda-peraturan-kawalan-bekalan- | FREE MALAYSIA TODAY |
| 6-Jun | Kabinet setuju tiada tindakan terhadap peniaga guna silinder LPG bersubsidi | https://www.dagangnews.com/article/terkini/kabinet-setuju-tiada-tindakan-terhadap-peniaga-guna-silinder-lpg-bersubsidi-52848 | DAGANGNEWS |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Jun | Kuat kuasa peraturan LPG bantu susun kewangan negara, kata ahli ekonomi | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/06/05/kuat-kuasa-peraturan-lpg-bantu-susun-kewangan-negara-kata-ahli-ekonomi | FREE MALAYSIA TODAY |
| 6-Jun | KPDN Perak serbu kilang minyak masak guna sijil halal tidak sah | https://www.sinarharian.com.my/article/732334/berita/semasa/kpdn-perak-serbu-kilang-minyak-masak-guna-sijil-halal-tidak-sah | SINAR HARIAN |
| 6-Jun | KPDN serbu kilang minyak di Perak guna logo halal tidak sah | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-serbu-kilang-minyak-di-perak-guna-logo-halal-tidak-sah/ | TV3 |
| 6-Jun | KPDN serbu kilang bungkus minyak masak guna logo halal tak sah | https://www.malaysiakini.com/news/745278 | MALAYSIA KIN |
| 6-Jun | Cooking Oil Packaging Factory Raided Over Use Of Illegal Halal Logo | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2431009 | BERNAMA |
| 6-Jun | Kilang pembungkus minyak masak diserbu, guna logo halal tidak sah | https://suarakini.com.my/kilang-pembungkus-minyak-masak-diserbu-guna-logo-halal-tidak-sah/ | SUARA KINI |
| 6-Jun | KPDN serbu kilang bungkus minyak masak guna logo halal tak sah | https://barangmurah.my/berita/kpdn-serbu-kilang-bungkus-minyak-masak-guna-logo-halal-tak-sah/ | BARANG MURAH |
| 6-Jun | Cooking oil packaging factory raided over use of illegal halal logo | https://newswav.com/article/cooking-oil-packaging-factory-raided-over-use-of-illegal-halal-logo-A2506_U5v7HP | NEWSWAV |
| 6-Jun | LPG bersubsidi: Langkah bernas kerajaan selesai isu ‘perut’ rakyat | https://utusantv.com/2025/06/05/lpg-bersubsidi-langkah-bernas-kerajaan-selesai-isu-perut-rakyat/ | UTUSAN |
| 6-Jun | Peniaga kecil makanan. minuman dibenar guna LPG bersubsidi | https://www.kosmo.com.my/2025/06/05/peniaga-kecil-makanan-dibenar-guna-lpg-bersubsidi/ | KOSMO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Jun | Peka luahan peniaga terkesan, KPDN benarkan gas LPG subsidi diguna tanpa permit | https://newswav.com/article/peka-luahan-peniaga-terkesan-kpdn-benarkan-gas-lpg-subsidi-diguna-tanpa-per-A2506_46zgZT | NEWSWAV |
| 6-Jun | Peka luahan peniaga terkesan, KPDN benarkan gas LPG subsidi diguna tanpa permit | https://www.malay.news/peka-luahan-peniaga-terkesan-kpdn-benarkan-gas-lpg-subsidi-diguna-tanpa-permit/ | MALAYNEWS |
| 6-Jun | Peniaga boleh terus guna gas LPG subsidi sehingga pindaan PPKB dimuktamadkan - Armizan | https://thesun.my/cerita/berita/peniaga-boleh-terus-guna-gas-lpg-subsidi-sehingga-pindaan-ppkb-dimuktamadkan-armizan-FH14200858 | THE SUN |
| 6-Jun | Peniaga makanan dibenar guna gas LPG subsidi tanpa permit sehingga pindaan peraturan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/peniaga-makanan-dibenar-guna-gas-lpg-subsidi-tanpa-permit-sehingga-pindaan-peraturan | RTM |
| 6-Jun | Peniaga boleh terus guna gas LPG subsidi sehingga pindaan PPKB dimuktamadkan - Armizan | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2431101 | BERNAMA |
| 6-Jun | Peniaga boleh terus guna gas LPG subsidi sehingga pindaan PPKB dimuktamadkan - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/732405/video/berita-semasa-video/peniaga-boleh-terus-guna-gas-lpg-subsidi-sehingga-pindaan-ppkb-dimuktamadkan---armizan | SINAR HARIAN |
| 6-Jun | Peniaga mikro makanan dibenar guna LPG bersubsidi sementara peraturan dipinda | https://refleks.my/peniaga-mikro-dibenar-guna-lpg-subsidi-tanpa-permit-sementara-tunggu-pindaan-peraturan/#google_vignette | REFLEKS |
| 6-Jun | Peniaga kecil makanan dibenar guna LPG bersubsidi sementara peraturan dipinda | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/06/peniaga-kecil-makanan-dibenar-guna-lpg-bersubsidi-sementara-peraturan-dipinda/ | UTUSAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Jun | Kerajaan setuju pinda peraturan baharu kelonggaran LPG untuk peniaga kecil | https://themalaysiapress.com/kerajaan-setuju-pinda-peraturan-baharu-kelonggaran-lpg-untuk-peniaga-kecil/ | THE MALAYSIA PRESS |
| 6-Jun | Kabinet setuju laksana pindaan ke atas PPKB (Pindaan) 2021 | https://sabahmedia.com/2025/06/05/kabinet-setuju-laksana-pindaan-ke-atas-ppkb-pindaan-2021/ | SABAH MEDIA |
| 6-Jun | Penggunaan LPG bersubsidi oleh peniaga mikro, kecil dilonggarkan | https://www.tvsarawak.my/2025/06/05/penggunaan-lpg-bersubsidi-oleh-peniaga-mikro-kecil-dilonggarkan/ | TVS SARAWAK |
| 6-Jun | Setelah dengar pandangan rakyat, Kabinet setuju pinda peraturan mengenai gas memasak | https://suara.tv/05/06/2025/hanya-peniaga-guna-lebih-42kg-lpg-dalam-satu-satu-masa-perlu-permit/ | SUARA TV |
| 6-Jun | Peniaga mikro dibenar guna gas LPG sehingga pindaan peraturan – Armizan | https://www.buletintv3.my/nasional/peniaga-mikro-dibenar-guna-gas-lpg-sehingga-pindaan-peraturan-armizan/ | TV3 |
| 6-Jun | LPG bersubsidi: PERDASAMA sokong pendekatan prihatin kerajaan tak ulang kesilapan lalu | https://utusantv.com/2025/06/05/lpg-bersubsidi-perdasama-sokong-pendekatan-prihatin-kerajaan-tak-ulang-kesilapan-lalu/ | UTUSAN TV |
| 6-Jun | Jualan cecair vape: MCMC diarah tingkat pemantauan dalam talian | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jualan-cecair-vape-mcmc-diarah-tingkat-pemantauan-dalam-talian | RTM |
| 6-Jun | MCMC diarah pantau jualan cecair vape dalam talian – Fahmi | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2431117 | BERNAMA |
| 6-Jun | MCMC diarah pantau jualan cecair vape dalam talian – Fahmi | https://utusantv.com/2025/06/05/mcmc-diarah-pantau-jualan-cecair-vape-dalam-talian-fahmi/ | UTUSAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6-Jun | MCMC pantau jualan vape, rokok elektronik dalam talian | https://www.kosmo.com.my/2025/06/05/mcmc-pantau-jualan-vape-rokok-elektronik-dalam-talian/ | KOSMO |
| 6-Jun | MCMC diarah tingkat pemantauan penjualan vape ada dadah sintetik dalam talian - Fahmi | https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1404930/mcmc-diarah-tingkat-pemantauan-penjualan-vape-ada-dadah-sintetik | BERITA HARIAN |
| 6-Jun | Fahmi: MCMC to monitor e-cigarette sales on social media platforms | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/05/fahmi-mcmc-to-monitor-e-cigarette-sales-on-social-media-platforms | THE STAR |
| 6-Jun | MCMC to track vape sales online, work with MOH and Domestic Trade Ministry — Fahmi | https://thesun.my/malaysia-news/mcmc-to-track-vape-sales-online-work-with-moh-and-kpdn-fahmi-PN14199688 | THE SUN |
| 6-Jun | MCMC to track vape sales online, work with MOH and Domestic Trade Ministry — Fahmi | https://theedgemalaysia.com/node/758018 | THE EDGE |
| 6-Jun | MCMC pantau jualan vape, rokok elektronik dalam talian | https://wartaoriental.com/2025/06/05/mcmc-pantau-jualan-vape-rokok-elektronik-dalam-talian/#google_vignette | WARTA ORIENTAL |
| 6-Jun | KPDN serbu kilang minyak masak guna sijil halal tidak sah | https://tvpertiwi.com/2025/06/05/kpdn-serbu-kilang-minyak-masak-guna-sijil-halal-tidak-sah/ | TV PERTIWI |
| 6-Jun | Bekas pengarah syarikat didakwa salah guna harta syarikat | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-pengarah-syarikat-didakwa-salah-guna-harta-syarikat-523837 | ASTRO AWANI |
| 6-Jun | Bekas pengarah syarikat didakwa salah guna harta syarikat | https://thesun.my/cerita/berita/bekas-pengarah-syarikat-didakwa-salah-guna-harta-syarikat-GN14199906 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT